

# Rumah tumpangan antara isu

27 JUN 1991

MASALAH mendapatkan tempat untuk rumah tumpangan bagi bekas penagih dadah Melayu-Islam dijangka dibincang hangat dalam mesyuarat agung Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) pada Ahad ini.

Soal menganjurkan satu seminar silat — yang pernah dirancang dan menimbulkan masalah antara Perwanit dengan badan induknya, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) — juga dijangka dibincangkan.

Perwanit adalah antara tujuh pertubuhan Melayu-Islam yang merancang menyediakan rumah tumpangan itu sebagai menyahut seruan Perdana Menteri Encik Goh Chok Tong agar pertubuhan-pertubuhan menyiapkan rancangan lima tahun bagi menyelesaikan masalah

orang-orang Melayu.

Encik Goh berkata pemerintah bersedia memberi bantuan kewangan kepada pertubuhan Melayu-Islam yang mempunyai rancangan tersebut. ~~MARIKOTIK, CELAKITAN~~

Presiden Perwanit, Haji Ismaon Haji Ali berkata usaha mendapatkan bekas kompleks Institut Pendidikan (IE) di Paterson Road untuk dijadikan rumah tumpangan itu gagal kerana ia didapati tidak sesuai kerana terletak di tengah-tengah bandar.

Menurut Haji Ismaon, Perwanit akan membincangkan usaha yang boleh dijalankan selanjutnya serta soal pentadbiran dan mencari dana bagi rumah itu.

Sebuah jawatankuasa pentadbir rumah itu dan jawatankuasa bertindak bagi

membanteras penyalahgunaan dadah juga dijangka dibentuk.

Mengenai seminar silat, Haji Ismaon berkata, perbincangan mungkin tertumpu kepada soal menganjurkannya tema 'Melalui pencak silat kita, bentuk satu masyarakat yang sihat dan berdisplin'.

Ia akan dibuka hanya kepada pesilat-pesilat Perwanit dan bertujuan menganalisa kegiatan silat di sekolah dengan harapan menjadikannya satu kegiatan luar darjah.

Seminar serupa, tetapi melibatkan para pesilat dari luar Singapura, pernah dirancang oleh Perwanit pada 1989.

Bagaimanapun, beberapa anggota kerabat Persisi mempersoalkan rancangan itu